

PERSEPSI KAUNSELOR BUKAN ISLAM TERHADAP PERKHIDMATAN KAUNSELING DENGAN KLIEN SAUDARA BARU (NON-MUSLIM COUNSELOR PERCEPTIONS OF ON THE COUNSELING SERVICES TO NEW REVERT CLIENTS)

Samsiah Jayos¹
Kamarul Azmi Jasmi²

¹Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia

²Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Jayos, S. & Jasmi, K. A. (2013). Persepsi Kaunselor Bukan Islam Terhadap Perkhidmatan Kaunseling dengan Klien Saudara Baru (Non-Muslim Counselor perceptions of on the Counseling Services to New Revert Clients) in *Prosiding Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam [SePPIM'13] (Proceedings of the First Seminar on Islamic Education and Research [SePPIM'13])* at The Main Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 17-18 September 2013, pp. 350-356. ISBN: 978-967-12085-0-2.

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meninjau pandangan kaunselor bukan Islam terhadap perkhidmatan kaunseling dengan klien saudara baru. Kajian ini berasaskan kepada Teori Imam al-Chazali dan Teori Pemusatan Cari Rogers. Reka bentuk kajian ini ialah kajian kualitatif. Temu bual semi struktur digunakan oleh pengkaji untuk mendapat maklum balas dari subjek kajian. Lokasi kajian dipilih ialah negara Malaysia. Sampel kajian adalah sampel bertujuan. Partisipan terdiri daripada kaunselor dari berbeza organisasi. Seramai tiga (3) orang partisipan terlibat dalam kajian ini. Partisipan 1 (P01) dan partisipan 2 (02) adalah perempuan, manakala partisipan 3 (03) adalah lelaki. Dapatan dari keputusan analisa mendapati, seorang (1) partisipan pernah menjalankan sesi kaunseling dengan klien saudara baru manakala dua (2) orang partisipan menyatakan tidak pernah ada pengalaman menjalankan sesi dengan klien saudara baru. Selain itu, perkongsian pengalaman dan pandangan hasil temu bual partisipan turut dimuatkan dalam kertas kerja ini serta limitasi dalam mengendalikan sesi dengan klien saudara baru. Manakala, pandangan adakah latihan ilmiah di universiti yang diterima oleh kaunselor sesuai diaplikasikan untuk klien saudara baru serta cadangan oleh partisipan elemen yang perlu ada dalam perkhidmatan kaunseling oleh kaunselor yang ingin mengendalikan kaunseling dengan klien saudara baru juga dibincangkan dalam kajian ini.

Abstract

This study aimed to explore the views of non-Muslim counselor for counseling services among new revert clients. This study is based on the theory of Imam al-Ghazali and Roger's Theory. The design of this study was a qualitative study. Semi-structure interviews are used by researchers to get feedback from the subjects. Selected study area is the country of Malaysia. The sample is purposive sampling. Participants consisted of counselors from different organizations. A total of three of the participants involved in the study. Participant 1 (P01) and participant 2 (02) were female, and participant (03) was male. The findings from the results of the analysis found that one of the participants had a counseling session with his new revert client, while two of participants never had it. In addition, the sharing of experiences and views of interview participants also included in this paper as well as limitations in conducting a session with his new revert client. While views on the appropriateness of scientific training at the university of new revert clients were also discussed. Finally, the proposed participants about elements that should be included in counseling with his new revert client will also be discussed in this article.

PERSEPSI KAUNSELOR BUKAN ISLAM TERHADAP PERKHIDMATAN KAUNSELING DENGAN KLIEN SAUDARA BARU

Samsiah Jayos
Kamarul Azmi Jasmi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau pandangan kaunselor bukan Islam terhadap perkhidmatan kaunseling dengan klien saudara baru. Kajian ini berasaskan kepada Teori Imam al-Ghazali dan Teori Pemusatan Carl Rogers. Reka bentuk kajian ini ialah kajian kualitatif. Temu bual semi struktur digunakan oleh pengkaji untuk mendapat maklum balas dari subjek kajian. Lokasi kajian dipilih ialah negara Malaysia. Sampel kajian adalah sampel bertujuan. Partisipan terdiri daripada kaunselor dari berbeza organisasi. Seramai tiga (3) orang partisipan terlibat dalam kajian ini. Partisipan 1 (P01) dan partisipan 2 (02) adalah perempuan, manakala partisipan 3 (03) adalah lelaki. Dapatan dari keputusan analisa mendapati, seorang (1) partisipan pernah menjalankan sesi kaunseling dengan klien saudara baru manakala dua (2) orang partisipan menyatakan tidak pernah ada pengalaman menjalankan sesi dengan klien saudara baru. Selain itu, perkongsian pengalaman dan pandangan hasil temu bual partisipan turut dimuatkan dalam kertas kerja ini serta limitasi dalam mengendalikan sesi dengan klien saudara baru. Manakala, pandangan adakah latihan ilmiah di universiti yang diterima oleh kaunselor sesuai diaplikasikan untuk klien saudara baru serta cadangan oleh partisipan elemen yang perlu ada dalam perkhidmatan kaunseling oleh kaunselor yang ingin mengendalikan kaunseling dengan klien saudara baru juga dibincangkan dalam kajian ini.

Kata kunci: Perkhidmatan, kaunseling, kaunselor, klien dan saudara baru.

PENGENALAN

Cabaran kehidupan insan pada zaman sekarang amat kompleks. Oleh yang demikian, kaunselor hari ini yang merupakan tempat rujukan, meluahkan masalah, memberi nasihat, sumber motivasi dan tempat berbincang pastinya berdepan dengan pelbagai keranah manusia memandangkan kepelbagaian masalah dalam masyarakat yang semakin kritikal dan spesifik (Mohd Farhan 2006). Sehubungan itu mereka perlu melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu bukan sahaja memantapkan ilmu kaunseling yang sedia malah perlu memiliki pelbagai

kemahiran dan ilmu lain untuk berdepan dengan klien yang pelbagai jenis tadi terutama bagi klien yang semakin khusus kesnya seperti klien saudara baru (Abdul 2001 dan Fathi 2005). Oleh itu, perkhidmatan kaunseling oleh kaunselor perlu diperkembangkan untuk menangani permasalahan masyarakat yang semakin kompleks masalahnya (Egan, 2007). Namun, kaedah kaunseling yang ada kebanyakannya menekankan pembentukan minda semata-mata dan menjurus kepada kaunseling Barat yang sesetengahnya amat tidak bersesuaian malah bertentangan dengan budaya, agama dan adat masyarakat di Malaysia (Ahmad dan Amer, 2012). Oleh yang demikian, kebanyakan kaedah kaunseling hari ini yang dijalankan oleh para kaunselor semakin kurang berkesan dalam menangani kes-kes yang ada termasuk kes klien saudara baru yang kebanyakannya ada hubung kait dengan agama Islam (Salleh 2003; Riduan Mohamad dan Mohd Asri 2006). Apa yang membimbangkan sekiranya ketidakcekapan kaunselor mengendalikan sesi keatas klien saudara baru menyumbang kepada penyelesaian akhir yang dipilih oleh klien adalah keluar daripada Islam. Isu ini dikukuhkan lagi dengan data dimana merujuk statistik permohonan keluar Islam bagi saudara baru apabila tidak sesuai dan tertekan dengan kehidupan Islam yang dipilih dari sumber Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan didapati pada tahun 2005, 9 kes permohonan untuk keluar Islam dan bertambah kepada 4 kes lagi pada tahun 2006 (Ann, 2009). Menurut Kelly (2006), Mohd Tajudin (2006) dan Abdul (2001) kesejahteraan psikologi saudara baru merupakan salah satu aspek penting yang perlu diberi perhatian oleh kaunselor kerana orang yang baru memeluk Islam biasanya menghadapi tahap delima psikologi yang tinggi dan ini disokong dalam Sapora (2009), Exkstein (2005) dan Abdul (2001). Namun masalahnya sejauhmana kaunselor mampu memberikan perkhidmatan kaunseling yang berkesan terhadap golongan ini kerana pengetahuan yang dipelajari di universiti hanya kemahiran dalam bidang kaunseling umum dan masih ramai kaunselor yang tidak memiliki lesen dan perakuan amalan menjalankan kaunseling secara professional. Selain itu, limitasi kaunselor yang memiliki ilmu kaunseling tetapi tidak menguasai bidang agama dan sebaliknya, jadi jika klien menghadapi masalah agama yang kritikal kaunselor tidak dapat membantu dengan baik kerana kaunselor tidak mantap dari segi hukum hakam agama yang tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya (Aranda, 2008; Samsiah, Faizah dan lokman, 2012). Sehubungan itu, timbul persoalan, adakah kaunselor bukan Islam dapat memberikan perkhidmatan kaunseling kepada klien saudara baru terutama bila berdepan dengan isu agama.

TEORI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini berpandukan kaunseling Islam, teori kaunseling al-Ghazali yang dijadikan asas utama bagi pengkaji. Pengkaji merasakan teori ini amat banyak kaitan dengan kaunseling saudara baru ini. Pendekatan teori al-Ghazali dipilih kerana sifatnya yang komprehensif dan lebih menekankan bidang

kerohanian dalam segala aspek ajaran Islam (AL-Ghazali, 2000). Pendekatan teori Al-Ghazali merangkumi bab ilmu, aqidah, ibadat dan fitrah manusia dengan penekanan kepada roh, akal, hati dan jiwa serta menekankan konsep amar makruf dan nahi mungkar yang perlu ada bagi kaunselor muslim (Yatimah dan Mohd Tajudin Ningal, (2011). Manakala, dalam konteks kaunselor, teori Carl Rogers pula memandu kaunselor mencari jawapan “bagaimana” dan “kenapa” klien tersebut bertindakbalas dengan persekitaran, bagaimana klien memilih nilai diri dan menilai diri sendiri dengan menggunakan terapi kemanusiaan untuk membimbing klien kearah kebaikan (Rogers, 2003). Secara asasnya, Carl Rogers menekankan memberi dorongan kepada potensi baik yang ada pada klien dan menekankan hubungan erat antara kaunselor dengan kliennya dari segi kaunseling spiritual.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini ialah kajian kualitatif. Analisa data temu bual dan pemerhatian. Temu bual semi struktur digunakan oleh pengkaji untuk mendapat maklum balas dari subjek kajian (Hesse-biber dan Leavy, 2006; Silverman, 2000). Soalan temu bual dibina dengan merujuk kajian perpustakaan dan merujuk pakar dalam bidang kaunseling. Lokasi kajian dipilih ialah Kota Samarahan, Kuching Sarawak Malaysia. Malaysia terdiri daripada Malaysia Timur iaitu Semenanjung dan Malaysia Barat iaitu Sabah dan Sarawak. Selain itu, Malaysia juga boleh dibahagikan mengikut enam (6) zon iaitu Selatan, Utara, Barat, Timur, Sabah dan Sarawak. Pemilihan partisipan dijalankan secara rawak mudah ke atas zon-zon di Malaysia yang terdiri dari enam (6) zon tersebut. Lokasi spesifik terpilih adalah zon Sarawak bagi Malaysia Barat. Sampel kajian adalah sampel bertujuan dimana partisipan dipilih dari kalangan kaunselor bukan Islam.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1.0 Demografi Responden - Jantina, agama, umur, bangsa, taraf Perkahwinan, kelulusan akademik dan jawatan/perkerjaan

Faktor Demografi	Partisipan 1 (P01)	Partisipan 2 (P02)	Partisipan 3 (P03)
Jantina	Lelaki	Perempuan	Lelaki
Agama	Buddha	Buddha	Kristian
Umur	37 tahun	30 tahun	35 tahun
Bangsa	Cina	Cina	Jawa Indonesia
Taraf perkahwinan	Kahwin	Kahwin	Kahwin
Kelulusan akademik	Sarjana	Sarjana Muda	Sarjana
Jawatan/Perkerjaan	Kaunselor	Guru Kaunseling	Kaunselor/Pelajar

Dapatan kajian mendapati P01 pernah mengendalikan sesi kaunseling dengan klien saudara baru, manakala P02 dan P03 menyatakan tidak pernah. P01 menyatakan berkeyakinan mengendalikan sesi kaunseling dengan klien saudara baru.

Dari segi pandangan partisipan tentang perkhidmatan kaunseling untuk saudara baru di Malaysia, P01 menyatakan “tiada halangan, sebaliknya kaunselor perlu mendalami budaya, bangsa, agama saudara baru agar sesi kaunseling dapat berjalan dengan berkesan dan membawa kebaikan kepada klien”. Manakala menurut P02 “amat baik, sesuai memandangkan saudara baru akan kahwin campur, menjadi 1 budaya yang berlaku dalam keadaan masyarakat majmuk di Malaysia”. Seterusnya P03 memaklumkan bahawa “it’s very specific process and the problem is value related...counselor need to be conscious of her/his value orientation”.

Dari segi pandangan partisipan berkenaan latihan kaunseling yang dipelajari boleh diaplikasi untuk klien saudara baru. Menurut P01 “*Ya, namun perlu dikembangkan ilmu silang budaya dari semasa kesemasa*”. Seterusnya P02 menyatakan

“Ya”. Manakala P03 menyatakan “the principle that I learned is counselor must respect client’s value and choice in this sense there should not be problem to provide service any client. But in practical sense, saudara baru need support for their spiritual journey. It implies on counselor agreement toward client’s values. Referring to second point, counselor and client should have similar values ...non conflicting opinion on religious conversion”.

Namun masalah yang wujud hari ini, kunselor belum cukup cekap atau masih belum berada di tahap yang dapat menampung keperluan kes-kes sebegini (Salleh, 2003; Corey, Corey dan Callanan, 2007). Pengkaji yakin, sekiranya tidak dibantu, kecelaruan psikologi saudara baru akan menyebabkan mereka hidup dalam tekanan dan akhirnya akan mengganggu gugat pegangan aqidah mereka (Ann, 2009 dan Farid Sufian, 2005). Malah, apa yang membimbangkan sekiranya tidak ditangani dengan sewajarnya ianya akan membawa kepada meningkatnya bilangan mereka keluar dari agama Islam iaitu murtad (Ann, 2009 dan Norrul Aikma, 2009).

Dari segi pandangan terhadap limitasi yang dihadapi untuk mengendalikan kaunseling dengan klien saudara baru. P01 menyatakan “*kurang pengetahuan tentang budaya mereka, namun saya tidak segan untuk meminta ulasan*”. Manakala pandangan P02 “*konflik dengan keputusan yang diambil. Kurang pemahaman tentang agama saudara baru*”. P03 pula berpendapat “*I personally believe that religions life is a personal choice and I prefer not to involve too deep into it. I will have my own believe*

that probably will conflict with other beliefs". Dalam konteks sebegini kaunselor selaku orang Islam akan dipersoalkan kelak diakhirat oleh Allah S.W.T kerana selain memegang amanah sebagai kaunselor. Kaunselor muslim juga tidak terkecuali memegang amanah sebagai dai'e yang perlu melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar yang dituntut dalam Islam (Nura'thirah Masyaa'il & Fazira 2009; Egan 2007 dan Fathi 2005). Pendekatan agama amat penting dalam menghadapi permasalahan klien dalam kaunseling. Ini disokong oleh Abdul (2001) dalam kajian berkaitan spiritual dan psikiatri. Menurut beliau, psikiatri, dan spiritual adalah saling berkait di mana: Kedua-duanya bertujuan membaiki kerosakan spiritual atau kerosakan *psyche*, untuk membebaskan jiwa, membantu individu untuk berubah kepada lebih baik, menggunakan sistem nilai tertentu untuk menentukan sama ada sesuatu kelakuan itu baik atau jahat, sihat atau sakit dan menggunakan teknik bimbingan dan kaunseling untuk membawa perubahan kepada individu.

Antara cadangan yang diberikan untuk kaunselor yang hendak mengendalikan kunseling untuk saudara baru ialah P01 menyatakan "*membaca dan menambah ilmu tentang budaya bangsa lain dan jangan 'defensive' untuk menyelami budaya orang lain*" dan "*Galakkan/wajibkan semua peajar kaunseling belajar subjek silang budaya dan memahami 'basic' agama pelbagai bangsa, adat, budaya dan 'belief' saudara baru serta terima mereka seadanya*". P02 pula menyatakan "*merujuk kepada yang berpengalaman*" dan "*rujuk kepada orang yang berkaitan dan mencari maklumat tentang saudara baru*" dan cadangan P03 "*Be very conscious with own belief and difference with client's belief*" dan "*I need to relies my values and possible bias that I have*". Sehubungan itu, kaunselor yang ingin berdepan dengan klien saudara baru harus mempersiapkan diri dengan memiliki elemen-elemen seperti berpengetahuan dalam ilmu agama, bijak menangani isu-isu klien seperti hubungan kekeluargaan, hubungan ikatan perkahwinan, harta pusaka, murtad dan akidah, berperanan sebagai pendakwah dan islah, mahir dalam undang-undang berkenaan pengislaman dan memahami undang-undang makhmah syariah dan sivil serta kehakiman yang ada hubung kait dengan isu-isu dengan klien yang khusus seperti klien saudara baru ini. Ini kerana elemen-elemen diatas tidak dapat dikesampingkan dalam usaha kaunselor untuk menangani masalah klien saudara baru (Sapora 2003 dan Sapora 2009).

KESIMPULAN

Semoga perkongsian dan pandangan yang diberikan dari kaca mata kaunselor bukan Islam dapat memberi manfaat kepada bukan sahaja kepada pihak yang terbabit secara langsung dengan dunia kaunseling dan klien saudara baru tetapi semua pihak yang terlibat tidak secara langsung dalam membantu klien saudara baru dari pelbagai sudut.

RUJUKAN

Abdul Basit (2001). Spiritual Dimensions of Trauma Healing. *Journal of Muslim Mental Health*, 14(3), 133-140.

Ahmad, S. dan Amer, M.M. (2012). *Counseling Muslim: Hand books of mental health issues and interventions*. Routledge Taylor & Francis Group New York, London.

Al-Ghazali (2000). *Ihya' Ulum al-Din*. Kitab *Syarh Ajaib al-Qalb*. J.2 Kaherah: *Dar al-Taqwa li al-Turath*, h. 430, 539 dan 553, al-Ghazali, *Ihya' Kitab Riyadah an-nafs*, J.2, h. 602,607, 624 dan 630.

Ann Wan Seng (2009). *Murtad Jangan Pandang Sebelah Mata*. Mustread Sdn.Bhd. Kuala Lumpur.

Aranda, M.P. (2008). Relationship between Religious Involvement and Psychological Well-Being: A Social Justice Perspective. *Health & Social Work*, pp. 9-21.

Berita Harian. *JAKIM: Mufti Perak Bincang Isu Murtad*. Julai 13, 2006.

Rogers, C. (2003). *On Becoming a Person*. Oxford, England: Floughton Mifflin, p.214.

Corey, G., Corey, M.S. and Callanan, P. (2007). *Issues and Ethics in the Helping Professions*. Seventh Edition. ISE, International Student Edition. Thomson Higher Education, USA.

Egan G., (2007). *The Skilled Helper*. Eighth Edition. California: Books/Cole Publishing Company.

Fathi Yakan (2005). *Apa Ertinya Saya Menganut Islam*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.

Farid Sufian Shuib (2005). *Murtad Kedudukannya di Sisi Islam dan Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya. Intel Multimedia and Publication.

Hesse-biber, S.N., & Leavy, P. (2006). *The Practice of Qualitative Research*. California: Sage Publication.

Kelly, E. W. (2006). *Spirituality and Religion in Counseling and Psychotherapy: Diversity in Theory and Practice*, 1(13).

Mohd Farhan Abdullah (2006). *Kristianisasi dan Gejala Murtad di Malaysia*. Seri Kembangan. Al Khidmah Resource.

Mohd. Tajudin Ninggal. Kemerosotan Kerohanian: Impaknya Ke atas Profesion Kaunseling. Buletin Kaunselor, Persatuan Kaunseling Malaysia. PERKAMA. *KAUNSELOR*. Bil.2. Jan-Mac 2006. Halaman 4.

Norrul Aikma Mohamed (2009). *Experience of Muslim Convert*. Kajian ilmiah yang tidak diterbitkan. Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, UNIMAS, Sarawak.

Nura'thirah Masyaa'il Tan Abdullah@Tan Ai Pao dan Fariza Md Sham (2009). Keperluan memahami psikologi saudara muslim. *Jurnal Hadhari*. Bil.2

(2009) 83-97. *Department of Islamic Development Malaysia*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan *Institute of Islam Hadhari*, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ridzuan Mohamad Nor dan Mohd Asri Mat Daud (2006). *Murtad Implikasi Hukum dan Fenomena*. Bati Caves. MHI Publication.

Salleh Ismail (2003). *Murtad di Malaysia*. Kuala Terengganu. Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin.

Samsiah Jayos, Norrul Aikma Mohamed, Faizah Abd.Ghani dan Lokman Mohd. Tahir. Experiences of Muslim Convert Clients. *Proceeding of 3rd International Graduate Conference on Engineering, Science and Humanities IGCESH 2010*. November 2-4, 2010. Organized by School of Graduate Studies, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai Johor, Malaysia.

Sapora Sipon (2003). Kaunseling Islam membantu tanpa mengira agama. *Utusan Malaysia*. 22/3/2003.

Sapora Sipon. Keperluan Elemen Agama dalam Disiplin Ilmu Kaunseling. *Isu-isu Kaunseling di Malaysia*. 2009. Terbitan Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA) sempena Konvensyen PERKAMA Kali ke 14. Muka surat 83-94.

Samsiah Jayos, Faizah Abd. Ghani dan Lokman Mohd Tahir. Tinjauan Keperluan Penyediaan Model Kaunselor Saudara Baru di Malaysia. *Prosiding di Makassar International Research Seminar (MIRS 2012)*. 17- 18 Feb. 2012. Lamacca Universitas Negeri Makassar (UNM), Hotel, Makassar, South Sulawesi, Indonesia.

Silverman, D. (2000). *Doing Qualitative Research*. California: Sage Publication.

Yatimah Sarmani (2005). *Pendekatan Kaunseling Islam: Satu analisis Kualitatif Model Kaunseling berasaskan sifat-sifat manusia oleh Imam Al-Ghazali*. Thesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Yatimah Sarmani dan Mohd Tajudin Ninggal (2011). *Teori Kaunseling Al-Ghazali: Mengenal ilmu, Sejarah dan Kandungan Al-Quran*. PTS Islamika Sdn Bhd. Batu Caves, Selangor.

Samsiah Jayos merupakan calon pelajar PhD di Fakulti Pendidikan, Bimbingan dan Kaunseling, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Beliau berkhidmat di Jabatan Kaunseling, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Beliau boleh dihubungi melalui talian 013-48814041 dan 019-74779362 serta email jsamsiah@fcs.unimas.my.

Kamarul Azmi Jasmi merupakan pensyarah kanan di Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Beliau boleh dihubungi melalui email qamar@utm.my.